BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 03/15/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 hari Rabu, 11 Mac 2014

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2014

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran merupakan penerbitan tahunan Bank Negara Malaysia (Bank) yang mengandungi penilaian Bank mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan kapasiti sistem ini untuk mengekalkan peranannya sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Laporan ini juga melaporkan inisiatif pembangunan yang digerakkan oleh Bank untuk memperkukuh peranan sektor perkhidmatan kewangan dalam usaha menyokong dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan proses transformasi ekonomi, serta langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang diambil oleh Bank untuk memastikan institusi kewangan terus selamat dan kukuh, memelihara kepentingan pengguna kewangan dan menggalakkan kestabilan kewangan dan sistem pembayaran secara keseluruhan.

Perkembangan risiko dan penilaian kestabilan kewangan pada tahun 2014

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara sepanjang tahun 2014. Peristiwa global dan juga perkembangan kewangan dan ekonomi telah memberikan impak yang ketara terhadap pasaran kewangan serantau, dengan tempoh ketidaktentuan yang lebih tinggi yang telah dialami pada tahun tersebut. Bagi Malaysia, aliran portfolio juga dipengaruhi oleh kebimbangan terhadap impak yang mungkin timbul akibat penurunan harga minyak yang mendadak, terhadap ekonomi dalam negeri pada bulan terakhir tahun 2014. Pasaran kewangan negara yang mendalam dan kehadiran pelabur institusi dalam negeri yang kukuh di Malaysia telah menyokong keadaan pasaran yang teratur meskipun terdapat aliran keluar bersih dana portfolio yang lebih tinggi pada tahun 2014. Permodalan dan prestasi kewangan bagi institusi kewangan juga kekal kukuh, dengan profil pendanaan yang stabil dan aktiviti pengambilan risiko yang berhemat. Ini seterusnya memastikan keadaan pendanaan dalam negeri, iaitu dalam sistem perbankan

dan pasaran modal, kekal menggalakkan dan menyokong aktiviti pembiayaan entiti perniagaan dan isi rumah.

Risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri yang timbul ekoran tahap keberhutangan isi rumah dan kenaikan harga harta tanah, telah menjadi sederhana berikutan pakej langkah yang diambil sejak tahun 2010. Pertumbuhan dalam hutang isi rumah agregat terus menjadi sederhana seperti yang disasarkan, dengan berkembang sebanyak 9.9% pada tahun 2014, iaitu kadar paling perlahan sejak kadar tertinggi yang dicatat pada tahun 2010. Risiko yang dikaitkan dengan pengumpulan peminjaman isi rumah tidak bercagar, terus berkurang disebabkan oleh penilaian yang lebih baik oleh bank dan institusi kewangan bukan bank terhadap keupayaan peminjam untuk mengambil hutang tambahan. Ini telah disusuli oleh amalan penentuan harga dan pengurusan risiko kredit yang semakin kukuh. Pada paras agregat, penampan kewangan isi rumah terus kukuh, dengan nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang kekal melebihi dua kali. Keadaan pekerjaan dan pendapatan yang stabil terus menyokong keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang. Bahagian hutang isi rumah dengan pendapatan RM3,000 atau kurang sebulan terus berkurang sepanjang dua tahun yang lalu, untuk mencakupi sebanyak 26.7% daripada jumlah hutang isi rumah (2013: 27.3%; 2012: 33%). Beban kewangan isi rumah dalam kategori ini berkurang berikutan pelbagai bantuan kewangan dan program perumahan yang disediakan oleh Kerajaan. Hasilnya, tahap agregat leveraj (diukur sebagai nisbah peminjaman terkumpul kepada pendapatan tahunan) bagi kumpulan ini tidak meningkat lagi, walaupun matlamat penurunan leveraj (kini tujuh kali) ke paras yang lebih selesa, kekal penting. Sebagai mencerminkan perkembangan ini, nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) hanya meningkat sedikit kepada 87.9% berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Yang penting, peminjaman isi rumah baharu berkualiti lebih tinggi. Dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, bahagian pinjaman baharu yang diluluskan dengan nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) sebanyak 60% atau kurang telah meningkat dengan nyata kepada 91.8% (Julai 2013: 85.9%). Ini menyediakan penampan yang lebih selesa kepada isi rumah untuk menghadapi cabaran kewangan. Kadar pembiayaan yang lebih tinggi berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada bulan Julai 2014, memberikan impak yang kecil terhadap keupayaan isi rumah untuk membayar balik hutang. Dari satu segi, keadaan ini mencerminkan sebahagian besar daripada peminjaman isi rumah adalah berasaskan kadar pembiayaan tetap, dan dari segi lain mencerminkan pengumpulan penampan kewangan yang lebih kukuh oleh isi rumah. Sekiranya terdapat kemungkinan kejadian mungkir secara serentak dan teruk

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

merentas semua jenis peminjaman isi rumah, kemungkinan kerugian kepada sistem perbankan akan dapat ditampung dengan baik oleh lebihan penampan modal sistem perbankan.

Perkembangan dalam pasaran perumahan telah mengurangkan risiko pembetulan mendadak yang mungkin timbul dalam harga rumah memandangkan siri langkah kehematan makro dan fiskal semakin menunjukkan kesan yang disasarkan. Indeks Harga Rumah Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih rendah bagi tiga suku tahun berturut-turut sejak akhir tahun 2013, kepada 8.4% pada suku kedua 2014, merentas hampir semua jenis rumah dan pusat pekerjaan utama. Inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan penawaran rumah mampu milik telah membantu melegakan tekanan terhadap harga rumah dalam keadaan permintaan yang kukuh terhadap rumah mampu milik, yang terus melebihi penawaran. Jurang antara permintaan dengan bekalan, bagaimanapun, mengambil masa untuk mengecil. Risiko terhadap kedudukan kewangan isi rumah dan kestabilan kewangan domestik daripada pembetulan harga rumah terus dikurangkan melalui: (i) pembelian spekulatif yang lebih rendah dalam pasaran harta tanah; (ii) amalan penilaian dan pengurusan risiko kredit yang berhemat, dengan penilaian kemampuan meminjam yang lebih baik, oleh bank; dan (iii) portfolio pinjaman perumahan yang berkualiti tinggi. Bagi sektor harta bukan kediaman, keadaan kekal stabil secara amnya dan didapati bertambah baik dalam beberapa segmen.

Leveraj keseluruhan entiti perniagaan, meskipun agak lebih tinggi dengan nisbah hutang kepada ekuiti pada 42.7% (2013: 40%), kekal selesa dalam tahap kehematan. Peminjaman luar negeri oleh entiti perniagaan mencatat pertumbuhan yang amat kecil, iaitu 0.05% (2013: 22.6%). Keadaan ini menyokong keupayaan entiti perniagaan untuk membayar balik hutang, termasuk peminjam besar daripada sistem perbankan, walaupun terdapat pergerakan yang lebih ketara dalam kadar pertukaran dan harga komoditi, yang dialami pada tahun 2014. Kualiti pinjaman perniagaan dalam sistem perbankan kekal kukuh, dengan trend delinkuensi dan pinjaman terjejas merentas kebanyakan sektor ekonomi, secara meluas bertambah baik.

Institusi kewangan terus menunjukkan prestasi kewangan dan permodalan yang kukuh, disokong tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang mantap. Pada akhir tahun 2014, Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal sistem perbankan masing-masing pada 12.6%, 13.3% dan 15.2%. Peningkatan yang mampan dalam kecekapan operasi, yang dilihat dalam beberapa tahun ini, juga menyumbang kepada prestasi yang positif. Keberuntungan yang berterusan dan dasar pengekalan perolehan (earnings retention policies) yang secara amnya konservatif, terus

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

meningkatkan penampan modal bank, yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum, pada RM97.4 bilion pada akhir tahun 2014. Penampan yang kukuh menyokong keupayaan bank untuk memenuhi keperluan modal minimum (yang juga diperkukuh secara progresif) di bawah pelbagai keadaan yang buruk. Permodalan industri insurans juga semakin kukuh, dengan nisbah kecukupan modal agregat bertambah baik kepada 253% (2013: 246.1%) dan lebihan penampan modal sebanyak RM30.2 bilion.

Paras delinkuensi yang terendah dalam sejarah merentas semua segmen pembiayaan utama dan nisbah perlindungan kerugian pinjaman yang sedia tinggi terus memberikan sokongan kepada margin faedah bersih bank yang bertambah baik pada tahun 2014. Pada paras semasa, margin agak kecil dan oleh itu penting bagi bank untuk terus mematuhi amalan penentuan harga dan peruntukan yang kukuh. Prestasi sektor insurans hayat dan takaful keluarga juga bertambah baik pada tahun 2014, setelah pulih daripada kerugian pelaburan yang ketara yang ditanggung pada tahun 2013. Penanggung insurans am terus menjana keuntungan dan telah mencatat nisbah kerugian sektor kebakaran dan motor yang lebih kecil dalam tiga tahun yang lalu. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank mengesahkan keupayaan institusi kewangan yang kukuh, pada peringkat sistem dan institusi, untuk menghadapi kekangan makroekonomi dan kewangan yang teruk.

Pembangunan sektor kewangan

Proses pengantaraan kewangan terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi. Pembiayaan baharu yang disediakan sistem perbankan terus meningkat sebanyak 13.3%. Lebih 70% daripada pinjaman yang dikeluarkan telah disalurkan kepada perniagaan, dengan 30.4% daripadanya merupakan pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana. Meskipun wujud ketidaktentuan yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan, namun keadaan yang teratur terus menyokong aktiviti memperoleh dana. Terbitan sekuriti hutang baharu terus meningkat pada tahun 2014, berjumlah RM505.9 bilion. Kerjasama yang lebih kukuh antara Bank, industri kewangan, perniagaan dan agensi Kerajaan yang berkaitan, telah banyak membantu menangani isu yang menghalang pembiayaan bank kepada entiti perniagaan dalam industri pertumbuhan baharu. Ini termasuk merapatkan jurang maklumat mengenai potensi komersial industri inovatif, bina upaya dalam institusi kewangan untuk membuat penilaian terhadap entiti perniagaan ini, menyediakan khidmat nasihat dalam pengurusan kewangan serta meningkatkan kesedaran mengenai bentuk pembiayaan alternatif yang lebih sesuai dengan ciri dan tahap kemajuan entiti perniagaan. Kemajuan seterusnya dalam bidang-bidang ini akan membolehkan institusi kewangan memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong keperluan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

pembiayaan industri pertumbuhan baharu tanpa meningkatkan risiko yang tidak wajar kepada pendeposit.

Dalam **sektor insurans dan takaful**, pembaharuan untuk menggalakkan persaingan, menangani herotan harga dan meningkatkan nilai kepada pemegang polisi terus menjadi keutamaan. Pembaharuan ini akan menyumbang kepada kemampanan jangka panjang industri di samping menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mengambil perlindungan insurans/takaful yang diperlukan mereka. Komponen utama pembaharuan ini ialah Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga. Susulan perbincangan dan interaksi yang meluas dengan pihak awam dan industri, Bank akan melaksanakan rangka kerja ini secara berperingkat mulai tahun 2015. Manfaat jangka terdekat kepada orang ramai termasuklah akses yang lebih luas melalui saluran langsung untuk membandingkan dan membeli produk hayat/takaful keluarga, kumpulan penasihat kewangan bertauliah yang lebih besar untuk memberikan nasihat kewangan bebas, dan struktur insentif yang ditambah baik bagi pengantara insurans yang mempunyai fokus lebih jitu pada perlakuan profesional dan kualiti perkhidmatan demi kepentingan pengguna. Satu lagi inisiatif pembaharuan utama ialah pelaksanaan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu. Inisiatif ini terus menghasilkan peningkatan ketara dalam proses penyelesaian tuntutan insurans motor yang juga membantu membendung kerugian insurans – suatu hasil yang penting untuk memastikan insurans motor kekal berdaya maju bagi penanggung insurans dan juga berpatutan buat pengguna. Pelaksanaan rancangan terus mencatat kemajuan yang diharapkan untuk menghapuskan tarif motor secara beransur-ansur mulai tahun 2016 dan peralihan kepada mekanisme penentuan harga yang lebih mencerminkan risiko. Ini akan membolehkan pemegang polisi dengan profil risiko yang lebih baik untuk menikmati manfaat daripada premium yang lebih rendah di samping memastikan premium adalah mencukupi untuk menampung kerugian. Pada tahun 2015, pelan pembangunan terperinci yang menggariskan pendekatan yang akan diambil ke arah penentuan harga berasaskan pasaran sepenuhnya akan diumumkan.

Pasaran kewangan domestik terus berkembang sebagai saluran penting untuk aktiviti pemerolehan dana, pelaburan dan pengurusan risiko. Pada tahun 2014, jumlah sekuriti hutang terkumpul berkembang 8.2% kepada RM1,117 bilion (2013: RM1,032.5 bilion). Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal sebagai pasaran terbesar di Asia Tenggara pada kadar 104.4% daripada KDNK. Malaysia juga terus menjadi destinasi pilihan untuk terbitan sukuk global, dengan lebih 60% daripada terbitan global baharu bernilai USD77.9 bilion diterbitkan dari Malaysia pada tahun 2014. Tahun 2014 juga menyaksikan sukuk pertama dalam denominasi yen diterbitkan di Malaysia, dan terbitan bon renminbi terbesar oleh sebuah korporat Malaysia setakat ini.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Sebagai mencerminkan permintaan yang lebih tinggi terhadap sukuk, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) Malaysia akan dimasukkan dalam indeks Barclays Global Aggregate, Asian Pacific Aggregate and EM Local Currency Government mulai 31 Mac 2015. Ini membolehkan GII dipasarkan kepada lebih banyak pelabur antarabangsa. Perkembangan ini terus menambah keluasan dan kedalaman pasaran bon Malaysia, terutamanya dari segi kepelbagaian mata wang dan pelabur. Dalam pasaran pertukaran asing, infrastruktur pasaran terus dimodenkan dengan memanfaatkan saluran elektronik untuk urus niaga dalam pasaran antara bank. Cadangan juga dikemukakan untuk menambah baik pengawasan, integriti dan ketelusan dalam proses penetapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) selaras dengan piawaian antarabangsa.

Inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih luas telah dipergiatkan pada tahun 2014 untuk menyokong aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam rantau yang semakin berkembang. Kemudahan untuk bank mengurus mudah tunai renminbi jangka pendek juga ditambah. Satu perkembangan penting ialah pelantikan sebuah bank penjelasan renminbi yang khusus di Malaysia, iaitu yang pertama dalam ekonomi sedang pesat membangun di Asia, di luar Republik Rakyat China (RR China), yang membolehkan institusi kewangan Malaysia memperoleh dana renminbi terus daripada pasaran kewangan tempatan RR China pada kadar yang kompetitif. Selain itu, enakmen Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 (Netting of Financial Agreements Bill 2014), yang mengesahkan status Malaysia sebagai negara yang mesra penghasilan bersih, akan menyumbang kepada peningkatan mudah tunai keseluruhan dalam pasaran derivatif dan pengurangan ketara dalam kos urus niaga derivatif.

Memajukan agenda rangkuman kewangan

Bank terus memberikan keutamaan yang tinggi terhadap usaha memajukan agenda rangkuman kewangan pada tahun 2014. Perbankan ejen yang diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 2012 terus meluaskan jangkauannya ke seluruh negara. Bilangan institusi kewangan dan ejen yang merupakan sebahagian daripada rangkaian perbankan ejen telah meningkat pada tahun 2014, seiring dengan pengembangan rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan melalui ejen perbankan. Dalam tempoh tiga tahun, jumlah mukim yang mempunyai perkhidmatan perbankan meningkat lebih daripada dua kali kepada 95% daripada 872 mukim di Malaysia, daripada hanya 46% pada tahun 2011. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kehadiran ejen perbankan. Hasilnya, 99% daripada penduduk Malaysia kini mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan, sama ada melalui cawangan bank,

ejen atau kedua-duanya. Perusahaan mikro juga terus disokong oleh akses kepada pembiayaan yang lebih luas di bawah Skim Pembiayaan Mikro. Jumlah pembiayaan terkumpul di bawah skim ini terus meningkat kepada RM863.2 juta pada akhir tahun 2014, dengan sebanyak RM2.7 bilion pembiayaan diberikan kepada lebih 168,000 akaun perusahaan mikro sejak skim ini dimulakan pada tahun 2006. Produk pembiayaan baharu, tabungan dan insurans/takaful yang khusus untuk memenuhi keperluan perlindungan dan keadaan kewangan perusahaan mikro dan isi rumah berpendapatan rendah, juga dibangunkan pada tahun 2014. Pada peringkat global, Bank terus memberikan sokongan padu kepada pembangunan kewangan yang inklusif. Penubuhan ibu pejabat Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) di Malaysia mencerminkan komitmen negara untuk menyokong inisiatif mengembangkan rangkuman kewangan dengan lebih meluas. Usaha juga sedang dilaksanakan untuk membangunkan Global Financial Inclusion Knowledge Exchange sebagai repositori pusat bagi penggubal dasar yang terlibat dengan rangkuman kewangan.

Kewangan Islam

Industri kewangan Islam terus mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2014. Aset perbankan Islam meningkat sebanyak 12.0% dan kini mencakupi 25.6% daripada jumlah aset sistem perbankan. Aset mata wang asing juga meningkat kepada RM27.7 bilion (2013: RM19.3 bilion), mencerminkan peningkatan kepentingan urus niaga merentas sempadan dalam kewangan Islam. Rangka Kerja Akaun Pelaburan yang dikeluarkan pada tahun 2014 dan pelancaran Platform Akaun Pelaburan yang dijangka dibuat pada tahun 2015, akan memperluas penawaran akaun pelaburan sebagai kelas aset dan sumber pendanaan baharu berlandaskan Syariah. Bank juga mencapai kemajuan selanjutnya dalam penyediaan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif. Ini disokong oleh piawaian operasi yang sedang diperkenalkan untuk memastikan prinsip Syariah dalam penawaran dan pengurusan produk berasaskan kontrak Syariah, dipatuhi sepenuhnya.

Integrasi kewangan serantau

Integrasi kewangan di rantau ASEAN akan terus mencapai kemajuan dengan muktamadnya Pakej Keenam Komitmen Sektor Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan. Bersama-sama dengan pakej ini, Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF) akan disempurnakan, lantas merintis jalan bagi integrasi perbankan serantau yang lebih mendalam. ABIF dibangunkan berdasarkan prinsip yang mengutamakan pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih pesat, dan menekankan keterangkuman, ketelusan dan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

kesalingan dengan mengambil kira ketersediaan negara anggota untuk melaksanakan liberalisasi sektor kewangan yang lebih meluas. Di bawah rangka kerja ini, Bank ASEAN Bertauliah (Qualified ASEAN Banks, QAB) akan diberikan lebih banyak akses dan fleksibiliti untuk meluaskan operasi di pasaran serantau, selaras dengan matlamat untuk memperluas peranan mereka dalam memudahkan perdagangan dan pelaburan dalam rantau. Selaras dengan jangkaan ini, Bank Negara Malaysia, Bank Indonesia dan Otoritas Jasa Keuangan telah menandatangani Perjanjian (Heads of Agreement) pada bulan Disember, yang mengenal pasti langkah untuk memudahkan akses pasaran dan fleksibiliti operasi yang akan diberikan di Malaysia dan Indonesia kepada QAB dari kedua-dua negara. Pengaturan pengawalan dan penyeliaan juga akan diperkukuh bagi memastikan kestabilan kewangan domestik dan serantau kekal terpelihara.

Pembangunan tenaga mahir dalam industri kewangan

Bank terus melabur dalam pembangunan saluran tenaga mahir yang mampan untuk industri kewangan. Penubuhan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan dan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan pada tahun 2014 telah melengkapkan lagi pengaturan institusi untuk pembangunan tenaga mahir yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu. Usaha ini termasuklah penyusunan semula Institut Bank-Bank Malaysia (Institute of Bankers Malaysia, IBBM) sebagai Asian Institute of Chartered Bankers, di samping penubuhan Asian Banking School. Pengaturan ini kini meliputi pelbagai solusi lengkap yang diperlukan untuk menghadapi cabaran yang semakin meningkat dalam membangunkan tenaga mahir berkualiti tinggi dan mencukupi untuk keperluan semasa dan akan datang industri perkhidmatan kewangan.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus diperkukuh, didorong agenda pembaharuan global dan juga keutamaan dalam negeri. Pelaksanaan pembaharuan rangka kerja pengawalseliaan Basel III di negara ini tertumpu pada usaha memuktamadkan piawaian Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR). Pembaharuan rangka kerja ini hampir selesai dengan peraturan akhir dijangka dikeluarkan pada bulan Mac 2015 untuk dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Dengan adanya penampan mudah tunai yang teguh dan disokong amalan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh, institusi perbankan dijangka dapat memenuhi keperluan mudah tunai minimum dengan agak mudah. Bank terus memantau dengan rapi kesan piawaian LCR terhadap pasaran kewangan dan keadaan kredit, terutamanya dalam persekitaran semasa pasaran kewangan yang semakin tidak menentu dan persaingan lebih sengit untuk mendapatkan deposit daripada saluran simpanan dan pelaburan alternatif.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pembangunan rangka kerja pengawalseliaan bagi kumpulan kewangan juga merupakan keutamaan penting bagi Bank pada tahun 2014. Bank kini dalam peringkat akhir untuk meluluskan syarikat pemegangan kewangan (financial holding companies, FHC) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) yang dikehendaki mematuhi piawaian kehematan yang terpakai pada kumpulan kewangan. Pada akhir bulan Januari 2015, 10 syarikat diluluskan sebagai FHC, termasuk lapan yang dikenal pasti sebelum enakmen FSA dan IFSA. Pada tahun 2014, Bank menyelesaikan rundingan awal dengan industri mengenai piawaian modal yang dicadangkan untuk kumpulan perbankan dan ini akan menjadi set pertama piawaian kehematan yang akan terpakai pada FHC.

Penambahbaikan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko juga terus menjadi tumpuan utama agenda dasar. Bank telah menyiapkan kajian semula secara meluas terhadap rangka kerja tadbir urus korporat bagi institusi kewangan dan akan menerbitkan kertas konsep pada separuh pertama tahun 2015, dengan menumpukan terutamanya pada pengukuhan keperluan untuk membantu lembaga pengarah memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan. Bank juga berunding dengan industri berhubung piawaian baharu bidang pengurusan risiko operasi dan pematuhan. Usaha juga sedang diambil untuk mengemas kini rangka kerja kehematan berkaitan penyumberan luar yang sedia ada, bagi memperjelas had operasi bagi pengaturan penyumberan luar yang institusi kewangan boleh terus manfaatkan tanpa menambah risiko yang ketara ke atas operasi mereka. Dalam sektor insurans dan takaful, keperluan penyediaan laporan keadaan kewangan dan pengurusan polisi hayat sertaan turut diperkukuh.

Rangka kerja pengawalseliaan institusi kewangan pembangunan juga terus dibangunkan dan diperkukuh untuk menyokong dengan lebih baik mandat khusus institusi tersebut bagi menggalakkan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan. Bank sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan mengenai cadangan pindaan terhadap Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, yang akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2015.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC), Bank terus memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pelbagai usaha pada peringkat kebangsaan untuk memperkukuh rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (AML/CFT) di Malaysia. Pada tahun

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

2014, NCC menyempurnakan beberapa inisiatif utama, termasuk mengukuhkan perundangan sokongan, mewujudkan Penilaian Risiko Negara (National Risk Assessment, NRA) untuk mengenal pasti kelemahan utama dan ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, dan merangka Pelan Strategik AML/CFT Negara untuk menangani ancaman ini secara komprehensif. Satu proses penilaian telah dijalankan oleh penilai antarabangsa untuk menentukan tahap pematuhan Malaysia kepada Piawaian Antarabangsa bagi Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan dan Percambahan. Sementara menunggu keputusan proses penilaian tersebut yang akan diketahui pada tahun 2015, Malaysia telah diberikan status Pemerhati oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF), lantas merintis jalan bagi keahlian penuh yang akan meningkatkan keyakinan antarabangsa terhadap integriti sistem kewangan domestik.

Rangka kerja penguatkuasaan yang diperkukuh telah disediakan untuk memastikan pengawasan yang rapi dan objektiviti dalam tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Bank. Pada tahun 2014, sebanyak 1,104 pertuduhan yang dikemukakan oleh Bank telah disabitkan kesalahannya oleh pihak mahkamah. Bank juga memulakan 42 siasatan dan memfailkan 119 pertuduhan jenayah ke atas entiti dan individu yang menjalankan skim dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Selain itu, 536 kesalahan yang melibatkan pemegang lesen telah dikenal pasti kerana tidak mematuhi undang-undang dan keperluan pengawalseliaan.

Amalan pasaran dan pemerkasaan pengguna

Pada tahun 2014, Bank terus memupuk amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) serta meningkatkan perlindungan pengguna kewangan. Fokus utama Bank adalah untuk memantau pematuhan terhadap amalan pembiayaan yang bertanggungjawab dan menyokong pelbagai program pendidikan bersasaran untuk pengguna kewangan, sejajar dengan langkah yang diambil untuk mencegah tahap keberhutangan isi rumah yang berlebih-lebihan. Penambahbaikan juga dibuat ke atas rejim penzahiran dan khidmat nasihat untuk menyediakan imbang balas yang sesuai terhadap keadaan persaingan yang semakin meningkat dan kadar inovasi kewangan yang berterusan. Usaha ini diperkukuh oleh aktiviti pemantauan Bank yang berterusan, yang menyebabkan pelbagai tindakan diambil terhadap PPK yang gagal mematuhi keperluan bagi memastikan maklumat yang diberikan tidak mengelirukan pengguna. Bank akan mengambil langkah-langkah seterusnya untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan penggunaan penzahiran produk PPK untuk menyampaikan maklumat penting berkaitan produk kepada pengguna.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Pelaksanaan obligasi penzahiran prakontrak yang lebih seimbang dan penyelesaian setara berhubung dengan kontrak insurans/takaful dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2015. Pelaksanaan ini akan menyediakan perlindungan yang lebih baik kepada pemegang polisi insurans dan peserta takaful daripada risiko tuntutan ditolak yang disebabkan oleh salahnyataan yang tidak sengaja atau cuai. Piawaian pengendalian perniagaan untuk kad pembayaran juga telah ditambah baik untuk memperkukuh perlindungan daripada penipuan kad pembayaran, menambah baik penzahiran penting serta melarang pengenaan caj dan penalti yang berlebihan. Pada tahun 2014, PPK dikehendaki membayar balik lebih daripada RM238,000 dalam fi dan caj yang dikenakan ke atas pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang melanggar prinsip panduan yang dikeluarkan oleh Bank berhubung dengan caj yang adil dan berpatutan. Bank turut mempergiat kajian semulanya ke atas amalan penentuan semula harga oleh penanggung insurans bagi produk insurans perubatan dan kesihatan yang menjadi lebih ketara berikutan peningkatan kos perubatan. Kajian semula ini bertujuan untuk memastikan sebarang pelarasan harga adalah sejajar dengan pengalaman tuntutan portfolio, mencerminkan pengunderaitan yang betul, dan dilaksanakan dalam cara yang munasabah yang membolehkan pemegang polisi yang sedia ada membuat penyesuaian kepada tahap premium yang lebih tinggi dan meneruskan perlindungan insurans mereka.

Satu inisiatif penting yang diambil oleh Bank pada tahun 2014 untuk melindungi pengguna kewangan ialah pengukuhan mekanisme penyelesaian. Inisiatif ini melibatkan transformasi Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) sedia ada, yang kini beroperasi secara sukarela, kepada satu skim ombudsman kewangan (financial ombudsman scheme, FOS) sepenuhnya. Pada tahun 2014, Bank telah mengemukakan cadangan mengenai tadbir urus dan pengaturan operasi FOS, termasuk skopnya. Berikutan sokongan yang meluas terhadap cadangan tersebut, rancangan pelaksanaan FOS berjalan lancar dan operasinya dijangka bermula pada separuh kedua tahun 2015. Selain FOS, Bank juga menyediakan bantuan kepada pengguna kewangan untuk menyelesaikan isu dengan PPK menerusi BNMLINK dan BNMTELELINK. Sebanyak 7,381 aduan terhadap PPK dibuat menerusi LINK pada tahun 2014, iaitu penurunan 9.7% daripada 8,171 aduan yang diterima pada tahun 2013.

Usaha untuk menggalakkan keupayaan kewangan daripada usia yang awal terus mencatat kemajuan yang dihasratkan dengan penerapan pendidikan kewangan secara berperingkat dalam kurikulum untuk Tahun Empat dan Tahun Lima, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Usaha ini disokong oleh latihan serta perbincangan dan interaksi secara berterusan dengan para

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

guru, guru besar dan pentadbir sekolah lain bagi memastikan penyampaian pendidikan kewangan yang berkesan kepada pelajar. Bagi golongan dewasa, Bank dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), memperkenalkan program pendidikan kewangan POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) yang baharu untuk individu yang sudah bekerja. Program ini meneruskan siri pertama Program POWER!, yang menyasarkan terutamanya penuntut universiti dan golongan muda, sebagai sebahagian daripada inisiaitif untuk membantu rakyat Malaysia membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Bank juga telah memperhebat program jangkauannya pada tahun 2014 untuk mendidik orang ramai tentang penipuan kewangan, di samping meneruskan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan untuk membanteras penipuan dan mendakwa pesalah.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar pada tahun 2014, tanpa mengalami sebarang gangguan yang besar. Bank terus menumpukan usahanya ke arah memperkukuh kesinambungan perniagaan dan pengaturan luar jangka untuk sistem pembayaran bagi nilai yang besar dan sistem pembayaran runcit yang utama di Malaysia. Ini bertujuan untuk memberikan jaminan selanjutnya terhadap daya tahan sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia. Pelaburan untuk menaik taraf sistem pembayaran runcit juga telah dibuat untuk memenuhi jangkaan pertumbuhan dalam jumlah urus niaga, menambah baik prestasi serta mempertingkatkan kebolehpercayaan operasi. Secara kolektif, perkembangan ini telah terus mengurangkan risiko sistemik.

Bank dan industri terus komited untuk mencapai sasaran tinggi yang ditetapkan bagi peralihan kepada pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) yang akan meningkatkan daya saing dan potensi pertumbuhan Malaysia. Pada tahun 2014, penggunaan e-pembayaran terus meningkat, dengan jumlah urus niaga e-pembayaran meningkat kepada 2.2 bilion daripada 1.2 bilion pada tahun 2010. Pembaharuan penentuan harga yang dilaksanakan sejak tahun 2013 telah menggalakkan pertumbuhan urus niaga GIRO Antara Bank yang kukuh, dengan peningkatan jumlah urus niaga sebanyak 36.2% pada tahun 2014 (2013: +19%) kepada 113.6 juta urus niaga, manakala bilangan cek yang dikeluarkan menurun sebanyak 10.1% (2013: -3.3%) kepada 177.1 juta cek. Bilangan urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat kepada 72 pada tahun 2014, daripada 43 pada tahun 2010. Langkah-langkah yang sedang diambil oleh bank dan pengeluar instrumen pembayaran untuk menyemak dan mengemas kini secara kerap pengaturan keselamatan dalam penyediaan pembayaran dalam talian dan instrumen

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

perbankan juga terus membendung insiden penipuan pembayaran pada tahap yang rendah.

Tahap ketelusan dalam perkhidmatan e-pembayaran adalah lebih tinggi dengan adanya keperluan supaya semua bank memaparkan maklumat berkaitan fi, waktu kredit dan had urus niaga, di cawangan dan laman sesawang bank. Rangka Kerja Dana Insentif e-Pembayaran (ePIF) telah diperkenalkan, yang menghendaki bank menyalurkan fi yang dipungut daripada pemprosesan cek untuk membiayai insentif kepada pelanggan supaya menggunakan e-pembayaran. Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran yang dilaksanakan pada bulan Januari 2015, akan terus memupuk industri kad pembayaran yang cekap, telus dan berdaya saing dengan menangani kenaikan fi pertukaran yang sewenang-wenangnya, serta herotan pasaran yang lain. Secara bersama, semua pembaharuan ini akan terus mempercepat proses peralihan kepada e-pembayaran, yang menawarkan kepada orang ramai pilihan pembayaran yang lebih murah dan cekap.

Bank Negara Malaysia
11 Mac 2015

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my